

minuman-minuman keras yang ditegah oleh agama Islam.

Selain daripada itu sehari sesudah diadakan jamuan itu suatu majlis jamuan teh kerana meraikan 12 orang ahli jawatan tadbir Pakistan yang baharu balik dari latihannya di Australia dan di dalam jamuan teh itu hadir juga Pesuruhjaya Perniagaan Pakistan. Perasaan tidak puas hati tentang langkah yang diambil oleh Pesuruhjaya itu telah dihamburkan di dalam majlis itu dengan berterus terang mencela langkah-langkah yang diambil oleh Pesuruhjaya Pakistan itu dengan harapan yang demikian itu akan diambale berat oleh orang-orang Pakistan di sini untuk menjaga kehormatan bukannya sahaja bagi negara Pakistan tetapi umumnya orang-orang Islam yang ada di dalam negeri ini.

Daripada kejadian-kejadian ini dapatlah dikaji di mana kedudukan Pesuruhjaya Perniagaan Pakistan itu. Daripada apa yang dapat kita ketahui bahawa nampaknya ia tidak memandang tanggungannya menjalankan sesuatu kerja yang bersabit dengan umum itu kepada dasar dan cita-cita kerajaannya. Perbuatan yang sedemikian ini adalah sangat mustahak diperhati oleh Jabatan Luar Pakistan terutaman atas wakil-wakilnya yang diletakkan di negeri-negeri Islam oleh kerana apa jua yang bersabit dan dilakukan menyalahi ajaran-ajaran Islam itu sudah tentu akan, sekurang-kurangnya, mengurangkan pandangan dan perhatian orang atas cita-cita dan langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan Pakistan. Dengan itu kita berharap mudah-mudahan kejadian ini akan diambil perhatian dengan sangat berat oleh kerajaan Pakistan yang dengannya menjadi ingatan orang-orang yang dihantar ke luar negeri itu hendaklah lebih dahulu diketahuhi akhlaknyanya adanya.

Dalam gambar hadapan keluaran Qalam 25 itu ialah Gambar Sultan Hamengku Buwono, Menteri Pertahanan Indonesia sedang bercakap-cakap dengan ketua angkatan laut Indonesia.

NAIK HAJI

Tatkala turun firman Tuhan yang mewajibkan ibadah Haji di atas orang-orang Islam maka Rasulullah pun bangun berucap sabdanya:

“Wahai sekalian manusia (orang-orang Islam): Tuhan telah fardhukan ibadah haji di atas kamu maka kerjakanlah dia.”

Seorang sahabat telah bangun bertanya: “Ya Rasulullah, adakah Tuhan mewajibkan kami mengerjakannya pada tiap-tiap tahun?”

Nabi diam tidak menjawab manakala sahabat itu berulang-ulang menanyakan perkara itu. Akhirnya Nabi menjawab sabdanya:

“Kalau aku mengatakan ya nescaya akan wajiblah ia, dan tidak pula kamu dapat mengerjakannya.”

Peristiwa inilah yang menyebabkan turunnya firman Allah Taala: “Wahai orang yang beriman janganlah kamu bertanyakan perkara-perkara yang jika dinyatakan bagi kamu nescaya akan menyakitii (memberati) kamu.” 104 Al-Maidah.

* * *

Ibadah haji itu telah diwajibkan seumur hidup sekali di atas tiap-tiap orang-orang Islam yang ada upaya. Orang-orang yang cukup syarat tetapi mereka sengaja melalaikan rukun Islam yang kelima ini maka itulah tanda kurang imannya. Kepada golongan inilah junjungan kita menghalakan sabdanya:

“*Man man walam yahajj falimat insya yahudia au nasramia.*”

(Barangsiapa mati dan tidak mengerjakan haji- setelah cukup syarat – maka hendaklah ia mati jika dikehendaknya sebagai seorang Yahudi atau seorang Nasrani)

Nauzubillah min zalik.

Berkenaan soal haji ini Khalifah Al-Muslimin Saidina Omar pernah berkata: “Hampir-hampir saya mengambil ketetapan hendak menulis kepada seluruh negeri-negeri Islam meletakkan cukai atau orang-orang Islam yang cukup syarat tetapi tidak menunaikan fardhu haji.” Demikianlah pandangan kitab Allah, sunnah Rasulullah dan sahabat-sahabat Nabi salallahu alaihi wasalam